



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

HARI AIR SEDUNIA 2025: PETRA PERKASA PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR AIR DI PAHANG MELALUI 38 PROJEK BERNILAI RM5.9 BILION

KUANTAN, 5 Julai 2025 – Sempena Sambutan Hari Air Sedunia (HAS) 2025 Peringkat Kebangsaan, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) menegaskan komitmen memperkukuh keselamatan dan kemampunan sumber air negara dengan merencanakan pelaksanaan pelbagai projek pembangunan infrastruktur air di seluruh negara, khususnya di Pahang.

Sebanyak 38 projek pembangunan air bernilai RM5.9 bilion telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), dengan peruntukan RM504.2 juta bagi tahun 2025 menerusi *Rolling Plan* Kelima (RP5). Inisiatif ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan dalam memastikan akses air bersih dan perkhidmatan bekalan yang mampan kepada rakyat.

Majlis perasmian sambutan HAS telah berlangsung di Dataran Sayangi Kuantan dan disempurnakan oleh YB Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang, mewakili YAB Menteri Besar Pahang. Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Air) PETRA, YBhg. Dato' Mohd Rodzwan bin Mohd Baba Sakri.

Lebih 2,000 pengunjung memeriahkan sambutan dua hari bermula 4 hingga 5 Julai tersebut yang turut menampilkan pameran agensi kerajaan dan swasta termasuk pameran Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040 (AIR 2040) yang merupakan panduan hala tuju strategik masa depan sektor air negara. PETRA turut menyampaikan Anugerah Pembangunan Sektor Air dan Anugerah Penyelidikan Ekohidrologi kepada penyelidik dan institusi pengajian tinggi yang diiktiraf peringkat antarabangsa.

Dengan tema antarabangsa Glacier Preservation dan tema tempatan “Air untuk Kehidupan” serta slogan “AirKU, HidupKU, DuniaKU”, sambutan ini memperkukuh mesej kesedaran bersama mengenai nilai air dalam kehidupan dan keperluan pengurusan sumber yang mampan.

PETRA percaya bahawa pembangunan infrastruktur air perlu seiring dengan pendidikan awam dan penyertaan masyarakat. Justeru, sambutan ini menjadi platform advokasi nasional yang menghimpunkan pelbagai pihak dari pelajar hingga sektor swasta bagi menyemai rasa tanggungjawab bersama dalam menjaga khazanah air negara.

Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, usaha ini mencerminkan tekad PETRA untuk mempercepat pelaksanaan projek air berimpak tinggi, memastikan kelangsungan bekalan air serta meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat secara inklusif dan lestari.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
5 JULAI 2025